

PENGUASAAN MURID DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU PENULISAN: SEKOLAH MUBALIGH

Melissa anak Menggongⁱ & Profesor Haji Dr. Zamri Mahamodⁱⁱ

Universiti Kebangsaan Malaysia. imel5812@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penguasaan murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu Penulisan serta kekangan yang dihadapi oleh semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Fokus kajian ini mengenai masalah yang dihadapi oleh murid semasa menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Selain itu, kekangan murid menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menjejaskan tahap pembelajaran. Di samping itu, cara pengajaran penulisan yang berpusatkan guru juga ditekankan. Dua orang guru yang dipilih sebagai responden temu bual iaitu guru yang mengajar murid tahun lima dan ketua panitia bahasa Melayu di salah satu sekolah mubaligh daerah Sibu. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Temu bual telah dijalankan sebanyak dua kali untuk mengenal pasti masalah murid dalam menguasai pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Analisis dokumen diambil berdasarkan tiga kali ujian sekolah tersebut iaitu diagnostik, Ujian Pentaksiran Penggal Satu dan Ujian Pentaksiran Penggal Dua. Pemerhatian pula dibuat sebanyak empat kali semasa guru mengajar subjek mengajar bahasa Melayu Penulisan di kelas tahun lima tersebut. Hasil kajian mendapati pengajaran bahasa Melayu Penulisan di sekolah ini dijalankan secara pengajaran berskruktur. Pendekatan kajian berskruktur ini telah diseragamkan oleh ketua panitia untuk memudahkan guru mengajar dan fokus kepada kemahiran. Namun begitu, responden mendapati masih banyak kekangan untuk meningkatkan keputusan bahasa Melayu Penulisan di sekolah ini. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada guru untuk melaksanakan pembelajaran bahasa Melayu Penulisan di sekolah mubaligh khasnya tahun lima.

Kata kunci: penulisan, penguasaan, pengajaran, bahasa Melayu

1.0 PENGENALAN

Keupayaan menulis merujuk kepada kemahiran murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui. Bahasa merupakan satu cara komunikasi bagaimana kita memindahkan idea, emosi dan pemikiran, menyatakan cinta, kemarahan kita dan mendapatkan difahami oleh orang lain (Wanklede 2012:1). Oleh itu, pelbagai program telah dirangka oleh kementerian pendidikan untuk memampatkan lagi penguasaan bahasa melayu khususnya penulisan. Contoh, PdPc literasi bukan sahaja hanya memberi penekanan kepada murid-murid tahap 1 sahaja, malah pengajaran kemahiran asas ini diteruskan ke tahap 2 melalui program PROTIM (KPM 2006). Program ini merupakan salah satu langkah pemulihan tambahan bagi membolehkan murid-murid menguasai literasi pada tahun empat hingga tahun enam mulai 2009 (KPM 2012a) agar mereka dapat mengikuti perkembangan bersama-sama rakan yang lain dalam arus perdana. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis sebelum menduduki ujian UPSR khususnya bahagian kertas penulisan karangan.

Seterusnya, dalam anjakan yang kedua PPPM pula mahukan semua murid cekap menguasai bahasa Melayu. Hal ini merupakan strategi pendidikan negara dalam tempoh 13 tahun yang memerlukan usaha-usaha yang strategik demi meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap yang lebih tinggi dan cemerlang supaya dapat menangani cabaran-cabaran pada abad ke-21. Usaha yang strategik ini perlu disusun dengan rapi supaya matlamatnya tercapai dan disusuli dalam tiga gelombang pendidikan. Gelombang pertama (2013-2015) merupakan penambahbaikan sistem kurikulum sedia ada dan persediaan untuk perubahan struktur dengan member sokongan kepada guru melakukan perubahan kedua

pelaksanaan program. Gelombang kedua (2016-2020) adalah fasa melaksanakan perubahan struktur sistem pendidikan untuk mempercepat pelaksanaan perubahan. Fasa ini akan memperkenalkan kurikulum baharu sekolah menengah dan kurikulum semakan sekolah rendah sesuai dengan perkembangan ekonomi dunia. Gelombang ketiga (2021-2025) akan memfokuskan kepada kecemerlangan dengan meningkatkan keluwesan operasi untuk memupuk budaya kepimpinan rakan sejawat.

Namun begitu, untuk merealisasikan gelombang KPM ini, murid-murid haruslah mantap dari segi penguasaan kemahiran menulis dan membaca. Murid tahap 2 pula, pasti sudah mahir dalam kertas penulisan supaya elakkan isu buta huruf. Oleh itu, pengkaji melakukan tinjauan terhadap murid Tahun 5 Pandai di sebuah sekolah rendah mubaligh di daerah Sibul.

Menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi dan pelajar menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik mampu menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis (Abdul Ghani, 2016; Yusfaiza & Mohd Islah, 2012). Proses menulis memerlukan pelajar berfikir semasa merancang, semasa menulis dan selepas penulis dihasilkan (Yusfaiza & Mohd Islah, 2012).

Sekolah mubaligh merupakan sekolah yang asalnya didirikan oleh mubaligh Kristian bagi memberi pendidikan kepada penduduk setempat serta menyediakan ruang untuk pembelajaran agama Kristian kepada yang beragama Kristian. Terdapat beberapa sekolah-sekolah mubaligh di Malaysia. Antaranya, Sekolah Kebangsaan Methodist, Sekolah Kebangsaan Convent, Sekolah Kebangsaan Sacred Heart dan Sekolah Kebangsaan St. Rita. Untuk itu, barisan guru di peringkat sekolah rendah perlu bijak memainkan peranan dalam kemajuan pendidikan khususnya kemahiran menulis karangan untuk melaksanakan strategi pengajaran berpandukan kurikulum persekolahan terkini yang menumpukan kepada teknologi makluma (TMK).

Objektif umum kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka masalah penguasaan mata pelajaran bahasa Melayu penulisan murid di sekolah mubaligh yang dikaji berfokus kepada murid tahun lima. Secara khususnya, kajian ini untuk:

- i. meneroka masalah murid menguasai penulisan Bahasa Melayu dengan baik.
- ii. mengetahui masalah murid menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah mubaligh yang dikaji.
- iii. meneroka masalah pembelajaran Bahasa Melayu penulisan lebih berpusatkan guru di sekolah mubaligh yang dikaji.

Masalah kemahiran menulis yang dihadapi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 di sekolah mubaligh yang dikaji iaitu kelemahan murid menghuraikan idea-idea ke dalam penulisan. Murid- murid didapati sukar menguasai subjek penulisan kerana memerlukan penciptaan idea, cara mengekspresikan idea, mengorganisasikan idea dalam bentuk ayat agar mudah difahami (Katharina 2011). Keadaan ini kerana idea murid tidak berkembang akibat daripada kurang membaca, tidak berpengalaman dan terikat dengan idea guru. Di samping itu, latar belakang murid yang berbeza juga mempengaruhi idea seseorang murid. Ini dapat dilihat melalui penulisan karangan murid semasa menjawab ujian penulisan.

Kajian ini merupakan kesinambungan daripada dapatan kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang masalah menguasai Bahasa Melayu penulisan. Kebanyakan kajian lebih bertumpu kepada sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan Bahasa Melayu penulisan Tahun 5 di sekolah mubaligh untuk meningkatkan kemahiran menulis sebelum menduduki UPSR. Instrumen yang diguna iaitu analisis dokumen untuk mengukur keberkesanan kajian yang dilaksanakan. Ulasan kepustakaan salah satu cara untuk meneliti keperluan, tujuan dan kepentingan kajian yang dibuat

untuk memastikan kajian memenuhi kehendak matlamat dan objektif kajian yang sepenuhnya. Selain punca yang dikenal pasti untuk mengukuhkan lagi kenyataan yang menimbulkan persoalan dalam kajian. Oleh itu, dalam kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah murid Tahun 5 menguasai Bahasa Melayu penulisan di sebuah sekolah mubaligh Bahagian Sib. Perbincangan ini amat berkesan bagi membantu secara terperinci masalah mengenai kelemahan menguasai kemahiran penulisan di sekolah mubaligh yang dikaji. Sehubungan dengan itu, kajian literatur dalam kajian ini berlandaskan kepada 3 objektif kajian iaitu (i) meneroka masalah murid menguasai penulisan dengan baik (ii) mengetahui masalah murid menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (iii) meneroka masalah pembelajaran Bahasa Melayu penulisan lebih berpusatkan guru di sekolah mubaligh yang dikaji.

2.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan kualitatif berasaskan kajian kes berbentuk penerokaan masalah-masalah yang dihadapi semasa belajar Bahasa Melayu, pembelajaran Bahasa Melayu lebih berpusatkan guru dan gangguan bahasa ibuanda semasa belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Reka bentuk yang dipilih bergantung kepada objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan. Ini kerana, melalui kajian kes seumpama ini dapat membolehkan pengkaji menyiasat fenomena sebenar dalam kehidupan, apabila sempadan antara fenomena dan konteks tidak jelas terbukti dan di mana pelbagai sumber bukti yang digunakan (Yin 1994, 2003). Pandangan ini disokong oleh Rosinah (2012), yang menyatakan bahawa melalui kajian kes, maklumat yang amat teliti, kaya dan mendalam dapat dikumpulkan untuk menjawab persoalan kajian di samping memfokuskan kepada penghuraian yang holistik dan menyeluruh.

Kajian ini menggunakan kaedah secara kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Untuk tujuan tersebut, teknik utama digunakan iaitu pemerhatian kelas dan bukti dokumen (Spradley 1980; Bogdan and Biklen 1982, Merriam 1988). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah murid menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan di sekolah mubaligh. Ujian dijalankan sebanyak tiga kali untuk mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa menulis karangan. Pemerhatian dijalankan semasa murid menulis karangan.

Sampel kajian ini terdiri daripada 17 murid-murid tahun 5 Pandai di sekolah mubaligh. Pemilihan murid tahun 5 ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan di sekolah mubaligh tersebut sebelum mereka menduduki ujian UPSR tahun hadapan. Sampel ini hanya satu jantina sahaja iaitu lelaki.

Pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data dengan analisis dokumen, ujian kemahiran menulis dan temu bual. Soal selidik digunakan untuk mengenal pasti maklumat profil responden, maklumat pembelajaran bahasa Melayu Penulisan dan amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu. Ujian kemahiran menulis digunakan untuk mengenal pasti pencapaian keseluruhan ujian, pencapaian responden berdasarkan soalan dan analisis kesilapan soalan ujian. Temu bual pula untuk mendapatkan maklumat mengenai profil guru, pengajaran dan pembelajaran menulis bahasa Melayu.

3.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Ujian diagnostik murid telah dijalankan hujung tahun 2017. Ini digunakan untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu Penulisan. Keputusan tersebut dihuraikan berdasarkan jadual dibawah mengikut nama, markah dan gred.

Jadual 1. Keputusan ujian diagnostik murid

Bil	Nama Murid	Kertas Penulisan	Gred
1.	Alberto	32	E
2.	Alvister	34	E
3.	Benedict Lelisa	54	C
4.	Besson Lee Yan Chen	28	E
5.	Boris Wong Sie Xiang	40	D
			43
6.	Chin Zhee Hau	22	E
7.	Elvinson Lau	78	B
8.	Fender Avander Safranz	58	C
9.	Maurice Giang Anak Westly	56	C
10.	Max Clearence	40	D
11.	Muhamad Muhaimin	60	C
12.	Ricky	34	E
13.	Robert	28	E
14.	Rolend Sim	24	E
15.	Samuel	32	E
16.	Sebastian	72	B
17.	Willy	34	E

Dapatan analisis dokumen dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat profil responden, maklumat pembelajaran bahasa Melayu responden, maklumat pembelajaran bahasa Melayu responden dan maklumat amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu responden.

Berdasarkan analisis dokumen tersebut dapat dirumuskan seperti jadual yang berikut:

Jadual 2. Analisis dokumen

Bil	Nama murid	Pekerjaan bapa	Pekerjaan ibu	Pendidikan bapa	Pendidikan ibu	Pendapatan
1	Alberto	buruh	surirumah	spm	Spm	RM1500
2	Alvister	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500
3	Benedict Lelisa	Setiausaha	Surirumah	ijazah	diploma	RM5000
4	Besson Lee Yan Chen	peniaga	surirumah	spm	spm	RM1500
5	Chin Zhee Hau	peniaga	peniaga	spm	spm	RM1500
6	Christian Anak Martin	jurutera	surirumah	ijazah	diploma	RM2500
7	Elvinson Lau	guru	guru	ijazah	ijazah	RM3500
8	Fender Safranz	kerani	guru	spm	ijazah	RM2500
9	Maurice Anak Westly	buruh	jururawat	spm	diploma	RM2500
10	Max Clearence	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500 46
11	Muhamad Muhaimin	guru	guru	ijazah	ijazah	Rm3500
12	Ricky	buruh	surirumah	upsr	upsr	RM1500
13	Robert	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500
14	Rolend Sim	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500
15	Samuel	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500
16	Sebastian	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500
17	Willy	buruh	surirumah	spm	spm	RM1500

Bahasa pertuturan merupakan komunikasi yang sangat penting kepada murid-murid terutamanya di rumah.

Jadual 3: Bahasa komunikasi di rumah

Bahasa pertuturan di rumah	Kekerapan
Bahasa Melayu sahaja	1
Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	2
Bahasa Iban	13
Bahasa Cina	1

Data murid menggunakan sumber – sumber lain sebagai satu panduan untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu dengan baik. Jelas menunjukkan murid-murid lebih kerap melayari internet berbanding dengan membaca buku cerita, membaca kamus atau majalah dalam Bahasa Melayu.

Jadual 4. Sumber lain dalam bahasa Melayu

Sumber lain digunakan	Kekerapan
Majalah Bahasa Melayu	2
Buku cerita Bahasa Melayu	1
Internet	12
Kamus Bahasa Melayu	1
Lagu Bahasa Melayu	1

Jadual 5. Maklumat kesalahan penulisan

Jenis Kesalahan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
Kesalahan kata majmuk	/	/	/	/	/	/		/	/	/		/	/	/		/	/
Salah tanda baca	/	/	/	/	/	/							/	/	/	/	/
Salah huruf kecil dan besar	/	/	/	/							/	/	/	/	/	/	/
Kesalahan penggunaan tatabahasa dalam ayat	/	/	/	/	/						/					/	/
Ayat tergantung	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/						
Kata hubung dijadikan penanda wacana	/	/	/	/						/	/	/	/	/	/	/	/
Pengaruh bahasa ibuanda	/	/	/														
Kesilapan ejaan	/	/	/	/	/	/	/	/					/	/	/	/	/
Menulis ayat menggunakan singkatan	/	/	/													/	/
Tulisan tidak kemas	/	/	/	/	/												

4.0 PERBINCANGAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka masalah murid menguasai Bahasa Melayu penulisan berfokus kepada tahun lima di salah satu sekolah mubaligh di Sibul. Pelaksanaan ini lebih tertumpu kepada faktor yang mempengaruhi penguasaan murid menguasai Bahasa Melayu Penulisan dari segi kesalahan bahasa, pengaruh bahasa kedua dan cara pengajaran lebih berpusatkan guru. Pemilihan sekolah rendah mubaligh yang dikaji kerana berhampiran dengan lokasi yang dikaji dan terdiri daripada murid berbagai kaum.

Kaedah perbandingan berterusan untuk menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif membolehkan kajian mendalam dan menyeluruh tentang masalah penguasaan bahasa Melayu penulisan. Menurut Yin (1994, 2003), menyatakan pendekatan ini membolehkan pengkaji menyiasat fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan sebenar, apabila sempadan antara fenomena dan konteks tidak jelas terbukti dan di mana pelbagai bukti yang digunakan. Pernyataan ini disokong oleh Denzin & Lincoln (2000); Miles & Huberman (1998), menyatakan bahawa pengkaji berinteraksi dengan peserta kajian secara langsung di samping mengenal pasti gambaran yang sebenar secara holistic sebab-musabab terbentuknya fenomena.

Menurut Wiersma (2005) pula, penglibatan pengkaji sebagai alat kajian utama dalam kajian juga dapat mewujudkan interaksi serta pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena. Disokong oleh Mohd. Majid (2005); Othman Talib (2013); Rosinah (2011); Sidek (2002); Wiersma (2000), menyatakan bahawa pengkaji terlibat secara langsung sebagai alat kajian utama, maka ini akan memberi kelebihan kepada pengkaji memfokuskan secara mendalam terhadap sesuatu perkara yang dikaji.

Perbincangan hasil dapatan yang pertama berkaitan dengan penguasaan murid dalam penulisan bahasa Melayu dengan baik. Untuk meningkatkan prestasi bahasa Melayu Penulisan, seseorang murid seharusnya faham kehendak soalan, mempunyai isi pelajaran yang banyak untuk dihuraikan menjadi karangan, struktur ayat yang betul mengelakkan karangan banyak kesalahan dan idea yang mendalam supaya karangan menjadi gramatis.

Kefahaman ini memainkan peranan penting untuk membina karangan yang gramatis. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang agak sukar difahami oleh murid. Ini disokong oleh Nik Safiah (2004), menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajar kerana melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple et al. dalam Roselan, 2003). Murid perlu banyak membaca buku selain dari di sekolah untuk menambahkan idea semasa membuat karangan. Menurut Marohaini Yusof & Zulkifi (1997), para pendidik kebiasaannya mengajar murid dengan memberikan tajuk karangan dan isi-isi penting

Murid perlu ada motivasi untuk menjana idea sendiri tanpa bergantung dengan guru. Pernyataan ini disokong oleh Ahmad Kilani Mohamad (2001), menyatakan penulisan merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar bahasa kedua. Hal ini kerana melalui penulisan murid dapat menjana idea dan mencatatkan apa yang difikirkan dalam bentuk tulisan.

Mempelajari bahasa kedua bukan sesuatu perkara yang mudah. Bahasa kedua merupakan bahasa yang dipelajari di luar rumah. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Noor Aina Dani (1994), berkenaan pemindahan bahasa dalam karangan dan pertuturan Bahasa Melayu murid bahasa kedua di Sabah, didapati memang terdapat pengaruh dialek dalam penulisan murid tersebut.

Mempelajari bahasa kedua bukan sesuatu perkara yang mudah. Bahasa kedua merupakan bahasa yang dipelajari di luar rumah. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Noor Aina Dani (1994), berkenaan pemindahan bahasa dalam karangan dan pertuturan bahasa Melayu murid bahasa kedua di Sabah, didapati memang terdapat pengaruh dialek dalam penulisan murid tersebut.

Pembelajaran murid harus memasukkan unsur-unsur menyeronokkan supaya pembelajaran dan pengajaran penulisan berkesan. Memperkenalkan aktiviti seperti didik hibur yang memberikan penekanan kepada pembelajaran yang menyeronokkan. Menurut Abdul Rashid & Hasmah (2013), pendekatan didik hibur ini dapat mengurangkan rasa kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan murid kepada guru yang berkonsep santai dan hibur.

Menggalakkan murid-murid untuk menghafal kosa kata sama ada kata nama atau kerja bagi menjamin murid-murid tidak bermasalah dalam membina ayat. Guru-guru juga membuat perancangan mengajar selari dengan sukatan pelajaran dan objektif kemahiran yang dikehendaki supaya lebih teratur dan tersusun proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Memperbanyakkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran seperti kad imbasan, buku latihan, gambar, cakera padat dan sebagainya.

5.0 PENUTUP

Kajian ini merupakan kajian kes iaitu hanya di sebuah sekolah, namun ianya diharapkan dapat menjelaskan kepada kita keadaan sebenar penguasaan kemahiran menulis bahasa melayu dalam kalangan murid-murid sekolah mubaligh. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat juga membantu semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau sebaliknya. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah untuk mengatasi masalah penulisan bahasa Melayu semasa di tahun lima.

RUJUKAN

- Abdul Sukor Shaari .(2012). *Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Pemulihan Sekolah Rendah*.Universiti Kebangsaan Malaysia:Bangi.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib 2014, *Penggunaan Bahasa Ibuanda Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Pribumi di Sekolah Pendalaman Sarawak*.
- Layang Ugek 2018, *Pelaksanaan Pengajaran Literasi Bahasa Melayu Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Penan*.
- Kori Sundari.(2013). *Komponen Membaca Anak*.Universitas Islam: Jakarta.
- Norfaizah Abdul Jabar, Anida Sarudin, Idris Mohd Sarudin 2015, *Pola Tematik Dan Implikasinya Dalam Pengajaran Penulisan Karangan*.
- Siti Iwana Abdul Samah, Rohaty Mohd Majzub, Zamri Mahamod 2014, *Pelaksanaan Pengajaran Penulisan Dalam Kalangan Guru –Guru Sekolah*.
- Taman Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). *Faktor Dan Kesan Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darulssalam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Tiew Wai Sin.(2010).*Tabiat Dan Minat Membaca Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di SMK Hulu Kelang, Gombak*.Persatuan Perpustakaan Malaysia.
- Ratna Wulan.(2010).*Peranan Inteligensi,Penguasaan Kosa Kata,Sikap Dan Minat Terhadap Kemampuan Membaca Pada Anak*.Universitas Gadjah Mada:Jakarta.
- Yahya Othman, DK. Suzanawaty Pg. Osman 2014, *Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah*.
- Zaliza Mohamad Nasir (2017). *Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar*
<https://tiestryna.wordpress.com/2014/04/12/teori-teori-pembelajaran/>. Diakses pada 24 April 2018.
- <https://www.slideshare.net/aliarissa/definisi-kemahiran-membaca>. Diakses pada 25 April 2018.
- <http://ekspresibahasamelayu.blogspot.com/2013/04/definisi-dan-konsep-kemahiran-membaca.html>. Diakses pada 18 Mei 2018.